

AGM: Umno kena janji buang sikap sabotaj
The Malaysian Insider
23 November , 2011
Oleh Zabidi Saidi

23 Nov — Ingatan Naib Presiden Umno Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi supaya tidak berlaku sabotaj pada pilihan raya umum akan datang bukanlah perkara baru.

Setiap kali menjelang pilihan raya umum perkara yang sama diingatkan oleh para pemimpin Umno tetapi kenapa sabotaj masih berlaku? Ini yang menjadi tanda tanya kepada kita.

Dalam pertemuan Zahid dengan media menjelang perhimpunan agung Umno hujung bulan ini, beliau berkata satu kajian akademik mendapati pemilihan calon yang baik mampu menyumbang sebanyak 31 peratus kemenangan parti manakala jika permasalahan dalaman dapat diselesaikan, ia boleh menyumbang lebih daripada 50 peratus.

Oleh itu sabotaj merupakan faktor yang menyumbang kepada kekalahan calon Umno. Bagaimana cara mengatasi masalah sabotaj ini?

Isu ini jika tidak ditangani dengan baik Umno akan kecundang lagi pada pilihan raya umum akan datang terutamanya di Kedah, Kelantan dan Selangor. Rata-rata calon BN yang diwakili Umno di tiga buah negeri itu kalah kerana ditikam belakang oleh ahli Umno sendiri. Mereka marah kerana calon pilihan mereka tidak bertanding, mereka pangkah pembangkang. Mereka marah kepada Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK), mereka pangkah pembangkang. Mereka marah kepada agensi kerajaan, mereka pangkah pembangkang. Maka menanglah pembangkang di atas kemarahan ahli Umno.

Sebab itu pembangkang menang bukan kerana parti mereka kuat tetapi kerana orang Umno yang belot. Akhirnya satu negeri tumbang di atas kesalahan ahli Umno sendiri memangkah pembangkang. Nasi sudah menjadi bubur. Menyesal dahulu pendapatan, menyesal kemudian hari tidak berguna.

Kenyataan presiden parti Datuk Seri Najib Razak bahawa tidak semestinya pemimpin bahagian yang menjadi calon, akan membuatkan mereka kecil hati dan tidak akan bekerja untuk memenangkan calon yang dipilih oleh parti. Apatah lagi calon itu adalah calon payung terjun yang tidak mudah mendapat restu dari bahagian.

Mereka berhujah sekian lama mereka menjaga parti, bila tiba pilihan raya umum orang lain yang diambil sebagai calon. Tidak layakkah mereka menjadi wakil rakyat sedangkan sebagai ketua bahagian mereka sudah menjaga ahli Umno dengan baik?

Pada hemat saya, perbuatan sabotaj ini boleh dielak jika pucuk pimpinan memberi tahu mereka dari awal bahawa mereka tidak dipilih sebagai calon. Sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum pilihan raya supaya mereka dapat menerima keputusan pucuk pimpinan dengan baik. Memberitahu mereka bahawa mereka tidak dicalonkan di saat akhir yang menyebabkan jentera parti lumpuh bila orang luar dipilih sebagai calon. Ketika itu mereka kecewa yang amat sangat kerana harapan untuk bergelar YB sudah berkecai. Jika diberitahu dari lebih awal, kemarahan mereka kepada parti tidak ketara sangat.

Sehubungan itu, mereka juga perlu dijanjikan jawatan atau habuan lain bila tidak dijadikan calon. Dijanjikan jawatan senator atau beri projek, sekurang-kurangnya mereka akan

bekerja kuat memenangkan calon baru itu bertanding dalam pilihan raya umum.

Seperti kata Zahid, isu ini boleh diselesaikan jika selepas pertandingan cawangan dan bahagian calon yang kalah merebut jawatan di peringkat bahagian mengiktiraf calon yang menang. Pada masa yang sama calon yang menang janganlah meminggirkan calon yang kalah.

Apa yang sering berlaku bila hampir pilihan raya barulah calon yang kalah diajak berunding sedangkan empat tahun sebelum ini mereka tidak dijemput ke majlis rasmi Umno yang menyebabkan mereka terus merajuk.

Seperti kata Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Tengku Adnan Mansor bahawa bukan mudah mengurus manusia apatah lagi mengurus lebih tiga juta ahli Umno yang sudah tentu mempunyai tiga juta karenah.

Oleh yang demikian pemimpin atasan perlu mengambil hati orang yang berjasa kepada parti di peringkat bahagian sekiranya mereka tidak layak dijadikan calon. Bila suasana ini dijadikan amalan, maka mereka tidak mudah mengamuk dan akan bekerja kuat untuk kemenangan parti tanpa mengambil kira siapa yang akan jadi calon.

Dengan itu masalah sabotaj dapat diatasi dengan mudah.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/agm-umno-kena-janji-buang-sikap-sabotaj/>